

02/10/2003

CTRM serah set pertama komponen sayap Airbus

COMPOSITES Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM), mengukuhkan kedudukannya sebagai pembuat dan pembekal komposit aeroangkasa terkemuka dunia dengan menyerahkan set pertama komponen sayap pesawat Airbus A380 kepada syarikat pembuat pesawat itu.

Pengerusi CTRM, Tan Sri Dr Ahmad Zaharuddin Idrus, berkata penyerahan Panel Bawah Kekal Bahagian Hadapan (PBKBH) itu membabitkan 60 panel komposit dan empat panel keluli yang akan dipasang kepada pesawat Airbus A380.

"Penyerahan ini amat penting bagi kami kerana ia menandakan bermulanya era baru bagi CTRM sebagai pembekal kepada industri aeroangkasa pada peringkat global.

"Kepercayaan yang diberikan Airbus membuktikan kemampuan jurutera tempatan dan teknologi yang dimiliki CTRM adalah setanding syarikat dari negara Barat," katanya pada majlis penyerahan PBKBH yang disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di Langkawi, semalam.

Pada majlis itu, Ahmad Zaharuddin mewakili CTRM, manakala Airbus diwakili Naib Presiden Eksekutifnya, Tom Williams.

CTRM menerusi anak syarikatnya, Aero-Composites Technologies Sdn Bhd (ACT) dan Excelnet Sdn Bhd (Excelnet) mendapat dua kontrak membuat PBKBH untuk A380 yang diunjurkan mampu menyumbang perolehan RM800 juta.

ACT terbabit dalam pembuatan manakala Excelnet pula dalam reka bentuk PBKBH.